

2. TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN & PENGEMBANGAN ILMU
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN & PENGEMBANGAN ILMU

BIL	PERKARA	PERNYATAAN
A.	Kuasa	<p>1. PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SEKSYEN 4 (1) KUASA UNIVERSITI - (a), (b), (c) (d) (g) (l) dan (o)</p> <p>(a) menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan untuk penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak untuk memajukan dan menyebarkan pengetahuan;</p> <p>(c) memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuk ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik luar yang lain kepada pelajar yang telah mengikuti mana-mana kursus pengajian yang telah diluluskan dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang telah ditetapkan oleh kaedah-kaedah;</p> <p>(g) memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana bidang ilmu;</p> <p>(l) melaburkan apa-apa wang yang terletak hak padanya sebagai derma kekal dalam harta tanah atau cagaran (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), sama ada wang itu terletak hak bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan mempunyai kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu serta menandatangani dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia sama ada dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa;</p> <p>(o) menjalankan penyelidikan dan mengkormesilkan hasil dan dapatan penyelidikan;</p> <p>2. PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SEKSYEN 22 (6) SENAT - (a), (c), (d), (h) dan (i)</p> <p>(a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;</p> <p>(c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran, pelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari universiti;</p> <p>(d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari universiti;</p>

		<p>(h) untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan professional; dan</p> <p>(i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.</p>
B.	Tarikh Penubuhan (Kelulusan Senat)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Diluluskan di Mesyuarat Senat Kali Ke-46 Bil.4/2008 (Khas) pada 16 Mei 2008 (Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan & Pengembangan Ilmu) 2. Diluluskan (pindaan) di Mesyuarat Senat Kali Ke-100 Bil.9/2013 pada 20 November 2013. (Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengembangan Ilmu) 3. Diluluskan (pindaan) di Mesyuarat Senat Kali Ke-108 Bil.8/2014 pada 20 Ogos 2014.
C.	Keanggotaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) - Pengerusi; 2. Semua Dekan Fakulti atau wakil dari kalangan Timbalan Dekan (Penyelidikan) Fakulti 3. Dekan atau wakil di kalangan Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah 4. Dekan atau wakil di kalangan Timbalan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK). 5. Dekan Penyelidikan, Pejabat Penyelidikan 6. 2 orang ahli Senat di bawah kategori Profesor sepenuh masa 7. Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) 8. Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) 9. Semua Pengarah Pusat Kecemerlangan 10. Pengarah Penerbit UMP 11. Ketua Pustakawan 12. Ketua Pentadbir JPI (ko-opt)

D.	Jumlah Keahlian dan Kuorum	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah keahlian JPPI adalah berdasarkan jumlah semasa fakulti dan lain-lain ahli yang telah ditetapkan. 2. Kuorum bagi mesyuarat adalah sekurang-kurangnya satu per tiga (1/3) daripada jumlah penuh keahlian JPPI.
E.	Mesyuarat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Minimum dua (2) bulan sekali 2. Pendaftar atau wakilnya di bahagian/unit yang berkaitan dengan urusan akademik tertentu hendaklah menjadi setiausaha mesyuarat. NOTA : Setiausaha bagi Mesyuarat JPPI hendaklah dilantik di kalangan pegawai daripada Jabatan Penyelidikan & Inovasi 3. Setiausaha hendaklah menentukan tarikh-tarikh, tempat-tempat dan perkara-perkara untuk mesyuarat dengan persetujuan pengerusi. 4. Dalam masa ketidakhadiran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), seorang Pengerusi hendaklah dilantik dari kalangan Dekan Fakulti atau ahli Senat yang hadir pada ketika itu.
F.	Fungsi Jawatankuasa	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyelaras semua aktiviti penyelidikan, perundingan dan pengembangan ilmu berdasarkan bidang teras Universiti. 2. Membuat dan membincangkan polisi atau dasar yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan sebelum dibentangkan ke Mesyuarat Pengurusan atau Mesyuarat Senat jika berkaitan. 3. Menyediakan garis panduan atau peraturan bagi pengurusan penyelidikan, perundingan dan pembangunan untuk digunakan oleh Universiti. 4. Membuat penilaian dan menyaring permohonan semua projek penyelidikan dan pembangunan untuk diluluskan oleh pihak Universiti. 5. Menyelaras dan memantau perjalanan semua projek penyelidikan dan perundingan yang telah diluluskan oleh pihak Universiti. 6. Membuat penilaian dan menyaring permohonan penubuhan Pusat Kecemerlangan sebelum dibentangkan ke Mesyuarat Pihak Pengurusan dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti. 7. Menyelaras dan memantau serta menjaga kualiti perkembangan Pusat Kecemerlangan yang telah ditubuhkan. 8. Membuat penilaian dan menyaring permohonan penyelidik yang hendak mendaftarkan semua penyelidikan dalam bentuk

paten, cap dagangan, hak cipta dan sebagainya sebelum peruntukan Dana Harta Intelek boleh disalurkan kepada penyelidikan berkenaan.

9. Membuat penilaian dan menyemak semua kerjasama dengan pihak luar yang berkaitan dengan penyelidikan dan perundingan.
10. Menggariskan dasar/polisi latihan luaran.
11. Merancang dan menggubal polisi, dasar dan peraturan perpustakaan.
12. Merancang dan meluluskan semua aktiviti dan perkhidmatan perpustakaan.
13. Meluluskan langganan journal, majalah dan pengkalan data untuk koleksi perpustakaan.
14. Merancang dan meluluskan program perkongsian ilmu (*knowledge sharing*) dan budaya ilmu (*knowledge culture*) di dalam Universiti.
15. Menyelaras dan memantau semua projek penyelidikan dan perundingan perpustakaan.
16. Membuat penilaian bagi perkhidmatan perpustakaan untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti.
17. Merancang program-program baru berbentuk Inovasi untuk tambah nilai (*value added*) bagi perkhidmatan perpustakaan.